

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID**  
**[ HULU TERENGGANU ]**  
**TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 43**

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan menubuhkan cawangan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Empangan Kenyir, fokus kepada program meningkatkan biodiversiti dan integriti ekosistem flora dan fauna di empangan tersebut, yang kekal merupakan tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara dan kawasan tumpuan pelancong dari seluruh pelusuk dunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak bercadang untuk membina kampus cawangan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Empangan Kenyir. Untuk makluman, pada masa kini Universiti Malaysia Terengganu sedang membangunkan Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir di mana status kemajuan pelaksanaan sehingga 4 Mac 2019 adalah 96% dan projek ini dijangka siap pada 31 Mac 2019.

Apabila siap kelak, pusat penyelidikan ini akan digunakan sebagai stesen penyelidikan dalam bidang biodiversiti dan akuakultur merangkumi Kajian Ekologi Akuatik, Kajian Limnologi Air, Batimetri, Kualiti Air dan Tahap Pencemaran, Kajian Arkeologi, Kajian Hidrologi dan Kajian Biodiversiti.